

Beri 151,309 dos vaksin

Rekod vaksinasi harian tertinggi kelmarin dengan 105,722 dapat suntikan pertama

Kuala Lumpur

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mencatat rekod vaksinasi harian tertinggi kelmarin, dengan pemberian sebanyak 151,309 dos selepas ia dilaksanakan bermula 24 Februari lalu.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) memaklumkan daripada keseluruhan dos yang diberikan, seramai 105,722 individu mendapat suntikan pertama.

"Sementara itu, 45,587 lagi menerima dos kedua," demikian menurut jawatankuasa itu menerusi laman



Sehingga kelmarin seramai 1,180,744 individu di negara ini telah melengkapkan dua dos vaksin Covid-19"

Dr Adham

Twitternya.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sehingga kelmarin seramai 1,180,744 individu di negara ini telah melengkapkan dua dos vak-

sin Covid-19 masing-masing.

Dr Adham menerusi akaun Twitternya berkata, seramai 2,609,377 individu menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua di negara ini ialah 3,790,121 dos setakat kelmarin.

Katanya, lima negeri yang telah melengkapkan kedua-dua dos tertinggi ialah Selangor dengan 152,215 dos diikuti Sarawak (124,820), Kuala Lumpur (108,740), Perak (108,361) dan Johor (107,192).

Kelmarin, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Co-

vid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin berkata, kerajaan menyasarkan lebih 200,000 orang akan menerima suntikan vaksin Covid-19 sehari bermula Julai ini.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata jumlah itu kemudian akan ditingkatkan kepada lebih 300,000 orang sehari mulai Ogos.

Setakat kelmarin, 52.7 peratus atau 12,774,132 individu mendaftar untuk Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dan Selangor mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi iaitu 3,367,090 orang.

Mengikut perancangan, fasa kedua program itu yang bermula April hingga Ogos ini akan membabitkan pemvaksinan 9.4 juta warga emas, kumpulan rentan dan orang kurang upaya.

Fasa ketiga bermula bulan lalu hingga Februari 2022 pula membabitkan individu 18 tahun dan ke atas, warganegara dan bukan warganegara dengan sasaran 13.7 juta orang atau lebih.

Pada fasa pertama program yang berlangsung dari Februari hingga April lalu, kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan termasuk warga kesihatan menerima vaksin itu. - Bernama